

13/12/1997

Jiwa patriotisme

"PENGALAMAN membuat persembahan di London sangat bermakna. Selain bertemu dan berkenalan dengan artis negara lain, saya tidak sangka mereka banyak tahu mengenai Malaysia."

"Malah, mereka kerap bertanyakan khabar Perdana Menteri kita. Mereka tanya, bagaimana Dr Mahathir? Saya katakan dia O.K. Namanya cukup popular di sana."

"Mereka juga tanya pasal jerebu di Malaysia dan pasal mata wang kita. Saya terpaksa memberi jawapan yang benar dan memuaskan hati mereka," kata Ramziela.

Dia mengakui, seseorang artis juga harus mengetahui perkembangan semasa mengenai negara sendiri dan sentiasa bersedia menjaga imej dan reputasi tanah air dengan menerangkan perkara sebenar yang berlaku.

Menurutnya, pengalaman dua kali mewakili negara amat berharga kerana banyak mendedahkannya mengenai semangat patriotisme dan bangga terhadap tanah air sendiri.

Katanya, walaupun penat berada di sana, dia gembira kerana turut menaikkan imej negara bersama rombongan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Katanya, apabila sampai di sana, semua artis terbabit menghadiri majlis sidang media dan majlis ramah mesra bersama rombongan negara lain. Ramziela juga berkesempatan bertemu kumpulan Spice Girls dan pelakon teater terkenal, The Cats.

(END)